

Diploma Rekaan Fesyen

» **Graduan Universiti UCSI mampu bersaing dalam pasaran berpotensi tinggi**

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh

► Kuala Lumpur

Perkembangan industri fesyen di negara ini menjadikan kerjaya sebagai pereka fesyen semakin mendapat tempat, sekali gus menyebabkan banyak institusi pengajian tinggi (IPT) menawarkan peluang pengajian dalam program berkenaan.

Universiti UCSI ialah antara IPT yang menawarkan program Diploma Rekaan Fesyen kepada pelajar yang berminat menyambung pengajian dalam bidang berkenaan.

Diploma Rekaan Fesyen di UCSI menekankan pembelajaran secara menyeluruh membabitkan pelbagai aspek dalam pembuatan pakaian supaya graduan boleh bersaing dalam pasaran pekerjaan di negara ini.

Bagi melahirkan pereka fesyen yang serba boleh dan berdedikasi terhadap profesional mereka, program berkenaan turut dilengkapi dengan aspek asas yang diperlukan untuk bersaing dalam bidang rekaan fesyen.

Antara subjek yang perlu dipelajari pelajar Diploma Rekaan Fesyen di Universiti UCSI ialah Sejarah Seni Lukis dan Seni Reka, Rekaan Asas, Kemahiran



Tiga pelajar Diploma Rekaan Fesyen Universiti UCSI terpilih menyertai pertandingan istyle KLIA 2014.

Berfikir Secara Kreatif, Asas Lukisan, Sulaman, Jahitan, Teknologi Tekstil, Asas Fesyen Digital, Ilustrasi Fesyen, Pemasaran dan Komunikasi Perniagaan.

Keputusan cemerlang Pengajian secara menyeluruh di Universiti UCSI itu membolehkan pelajar Diploma Rekaan Fesyen menempatkan diri dalam

pelbagai pertandingan dan pertunjukan fesyen di negara ini, antaranya berjaya menempatkan diri dalam kelompok lapan peserta akhir pada

pertandingan istyle Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2014.

Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat menyambung pengajian dalam bidang Diploma Rekaan Fesyen di Universiti UCSI perlulah mendapat sekurang-kurangnya kredit tiga mata pelajaran serta mendapat kepujian (A+, A atau A-) dalam subjek Bahasa Inggeris.

Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam akademik serta bergiat aktif dalam bidang kokurikulum boleh memohon untuk mendapatkan

biasiswa yang ditawarkan UCSI iaitu UCSI University Trust Scholarship.

Graduan dalam bidang Diploma Rekaan Fesyen boleh bekerja sebagai pereka fesyen, pembeli fesyen, pemaju produk, usahawan fesyen, penyelidik pasaran fesyen, pereka ilustrasi dan pembuat paten.

Pelajar yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai program Diploma Rekaan Fesyen dan Biasiswa yang ditawarkan Universiti UCSI boleh melayari laman web <http://www.ucsiuniversity.edu.my> atau menghubungi 603-9101 8882



Model mengiringi pelajar Diploma Rekaan Fesyen Universiti UCSI ketika menyertai pertandingan istyle KLIA.